



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 SEPTEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DUA PEKERJA SANGKAR IKAN DITAHAN DI PULAU JEREJAK, NEGERI P.PINANG, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PUSAT SEMBELIH AYAM MENJUJIKKAN, NASIONAL, BH -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG	26

Dua pekerja sangkar ikan ditahan di Pulau Jerejak

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan dua pekerja sangkar ikan tanpa pengenalan diri pada Selasa.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, penahanan dilakukan oleh anggota penguat kuasa bot ronda melalui Op Pertiwi di kedudukan 0.18 batu nautika selatan Pulau Jerejak lebih kurang jam 9.15 malam.

Menurutnya, seorang daripada pekerja sangkar ikan itu merupakan warga Nepal berusia 31 tahun, manakala seorang lagi warga tempatan berusia 40 tahun.

"Pekerja sangkar ikan warga Nepal tersebut gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri ketika pemeriksaan dilakukan.

"Kedua-dua yang ditahan itu dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Abd Razak berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah Lesen Kultur Laut iaitu tidak menggunakan 100 peratus pekerja warganegara kecuali dengan kelulusan Pengarah Perikanan Malaysia dan warganegara asing bekerja di tempat yang bukan tertera pada permit kerja bot.



Anggota Maritim Malaysia memeriksa dua pekerja sangkar ikan di Pulau Jerejak pada Selasa.

Pusat sembelih ayam menjijikkan

Premis abai aspek kesihatan, tiada pekerja terima suntikan tifoid

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah pusat penyembelihan ayam di Desa Tun Razak dekat Cheras di sini, didapati bukan sahaja beroperasi dalam keadaan terlalu kotor dan menjijikkan, malah turut mengabaikan aspek kesihatan apabila tiada pengendali makanan di situ menerima suntikan tifoid.

Perkara itu dikesan susulan operasi dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kuala Lumpur, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) semalam yang mendapati, premis itu melakukan pelbagai kesalahan dengan pengabaian aspek kesihatan.

"Hasil pemeriksaan bersama 21 anggota, mendapati premis itu berada dalam keadaan yang daif dengan lantai dan dinding ruang proses penyembelihan berkarat, berhumut, berdaki hitam dan kotor. Ia terhasil dari pada aktiviti sembelihan ayam.

"Kita juga mendapati, semua pengendali makanan di premis itu tidak mendapatkan suntikan tifoid dan gagal memamerkan dokumen pengenalan kerana hampir semua pekerja adalah warga asing.

"Premis itu juga tiada penapisan sisa efluen atau air terawat, malah sisa itu termasuk sisa fizikal dan darah tanpa dirawat akan terus dialirkan ke saliran dan longkang awam," kata DBKL melalui Facebook, semalam.

Tiada kelengkapan asas

DBKL turut menyatakan ayam mentah yang diproses di premis sama juga diletakkan di lantai sahaja.

"Kita turut dapati tandas di premis itu kotor dan ia juga tiada kelengkapan asas," katanya. Susulan operasi itu, DBKL berkata dua kompaun mengikut Undang-undang Kecil (UUK) 23(3)(b) - UUK Pelesenan Tred,



Premis sembelihan ayam di Desa Tun Razak, Cheras diberi notis penutupan kerana abai aspek kebersihan.

(Foto Ihsan DBKL)

Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 dan Seksyen 47 (1) (d) Akta Jalan, Partit dan Bangunan 1974 dikeluarkan.

"Notis Perintahan Penutupan

Di bawah Akta Makanan 1983 iaitu arahan pembersihan dan penambahbaikan dikeluarkan, berkuatkuasa hari ini (kelmarin).

"JASWPKL juga sudah mengambil sampel air untuk di analisis dan penahanan operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta 127," katanya.